

17/10/2000

UiTM wajar benar guna nama etnik

Melayu Baru

SAYA adalah salah seorang mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam yang prihatin terhadap persoalan bangsa Melayu dan telah dididik untuk menyayangi bangsa.

Sebagai pendukung utama terhadap hak Bumiputera, saya ingin melahirkan rasa terkejut terhadap perkembangan terbaru yang hebat melanda UiTM sekarang.

UiTM sedang dalam proses mengemaskinikan pendaftaran persatuan dalaman yang dikehendaki mendaftar semula. Antara syarat pendaftaran yang menjadi pertikaian utama antara mahasiswa dengan pihak universiti adalah bahagian II, perkara 3(2)(b) dalam perlembagaan persatuan dalaman, yang merujuk kepada penggunaan nama bangsa.

Memang kita tidak menjangka dalam suasana masyarakat Melayu di negara kita begitu lantang mempertahankan hak dan keistimewaan bangsa Melayu, pada masa yang sama institusi Bumiputera ulung ini pula melarang mana-mana persatuan dalaman universiti daripada menggunakan nama etnik pada nama persatuan mereka.

Secara jujur, saya berpendapat tindakan pihak pengurusan UiTM ini boleh menggambarkan kepada rakyat bahawa tidak wujud keselarian tindakan antara UiTM dengan kerajaan.

Kita menyedari bahawa kerajaan secara berterusan berusaha menyeru rakyat supaya menanam semangat patriotik dan memahami sejarah bangsa, terutama bangsa Melayu, serta tegas mempertahankan hak-hak kaum Melayu.

Apabila nama bangsa tidak dibenarkan, maka sudah pastilah tiada lagi persatuan dalaman yang bakal memperjuang keutuhan bangsa di UiTM.

Tidak silap sekiranya saya katakan bahawa suatu masa nanti generasi mahasiswa Bumiputera UiTM sudah hilang identitinya dan tidak lagi menghayati perjuangan bangsa kerana tiadanya penerapan nilai ini di peringkat kampus.

Dalam jangka panjang, ia secara tidak langsung akan memberi implikasi negatif kepada imej Melayu bukan sahaja di negara ini tetapi juga di mata dunia.

Adakah wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu melihat citra Melayu baru akan tercapai sekiranya inilah permulaannya?

Tindakan terbaru UiTM ini sebenarnya boleh menyebabkan generasi pelapis negara yang bakal mewarisi kepemimpinan negara akan lemah dan tidak mempunyai daya saing dengan bangsa lain.

Saya katakan ini kerana Bumiputera sendiri di institusi Bumiputera tidak diizinkan untuk mengembangkan syiar bangsa.

Suka saya menegaskan bahawa tindakan saya ini bukan untuk mencemarkan imej UiTM yang banyak berjasa. Tindakan saya ini juga bukanlah untuk mempertikai kredibiliti dan karisma UiTM dalam melaksanakan sesuatu keputusan.

Tetapi ini adalah luahan yang ikhlas dari hati mahasiswa UiTM yang prihatin terhadap citra bangsa dan mahu memastikan bangsa Melayu kembali memimpin bangsa lain daripada semua aspek, sama ada politik, ekonomi mahupun keilmuan.

Kita amat mengharap dan mendoakan agar UiTM menjadi pencetus dan peneraju terhadap proses membentuk citra Melayu baru dan mengembangkan syiar bangsa.

Akhir sekali, saya memohon ribuan kemaafan kepada pihak pengurusan UiTM

terhadap teguran ikhlas ini dan merayu sekali lagi supaya dapat muhasabah kembali tindakan ini agar semua lapisan warga UiTM mahupun bangsa Melayu di Malaysia berpuas hati dan menerima baik setiap keputusan yang dibuat.